

MENDIDIK GENERASI BERAKHLAK MULIA: FOKUS PERANAN GURU PENDIDIKAN ISLAM

Zaharah Hussin
Fakulti Pendidikan
Universiti Malaya

Akhlak-education is one of the important aspects in Islamic Education curriculum. This article reviews some literature on akhlak, morals, and ethics. The discussion focuses on the highest standard characteristics of akhlak in Islam. Since teachers play the most essential role in educating students, the teachers' four roles from Islamic education perspectives are also discussed.

Tanggungjawab membentuk generasi berakhlak mulia adalah suatu amanah yang perlu dilaksanakan oleh para pendidik khususnya guru Pendidikan Islam. Bagaimana pun, tanggungjawab ini adalah sesuatu yang berat untuk dipikul, malah ada di kalangan guru menganggapnya suatu beban dalam kerjaya mereka. Artikel ini bertujuan membincangkan dan mengupas perkara-perkara berikut: 1) Isu pendidikan akhlak terhadap generasi pelajar dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan; 2) Membandingkan antara konsep akhlak, etika dan moral; 3) Meneroka konsep akhlak mulia di dalam Islam; dan 4) Mengenalpastikan peranan yang perlu dilaksanakan oleh guru Pendidikan Islam. Dengan itu, artikel ini menyarankan supaya guru menjadikan peranan membentuk generasi berakhlak mulia sebagai matlamat utama mereka kerana ini selari dengan ajaran agama mahupun Falsafah Pendidikan Kebangsaan itu sendiri.

Generasi Berakhlak Mulia di dalam Falsafah Pendidikan

Matlamat pendidikan negara ke arah mewujudkan generasi berakhlak mulia telah dinyatakan dengan jelas di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan juga Falsafah Pendidikan Guru (FPG). Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Akta Pendidikan, 1996, rns. 11) menyebutkan:

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Insan yang seimbang dan harmonis diuraikan di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan sepertimana berikut:

... Insan ini juga akan menjadi warganegara Malaysia yang baik. Mereka seharusnya hendaklah memiliki ciri-ciri berikut:

Percaya dan patuh kepada Tuhan, berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab kepada diri, masyarakat, agama, bangsa dan

negara. Berbakti dan memberi sumbangan kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara dan memiliki sahsiah yang seimbang dan sepadu. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990, ms. 8-9)

Frasa "warganegara ... berakhlak mulia ..." merupakan salah satu ciri utama yang diberi penekanan di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kementerian Pendidikan Malaysia (1990) (kini Kementerian Pelajaran Malaysia) dengan jelas menyatakan ciri-ciri akhlak mulia iaitu insan yang mempunyai pengetahuan mengenai nilai-nilai baik dan buruk; mempunyai kesedaran terhadap kesan daripada perbuatan baik dan buruk; yakin terhadap nilai murni; mengamalkan perbuatan yang baik; menghindari perlakuan yang buruk; dan menghayati nilai-nilai mulia yang merangkumi nilai-nilai kerohanian, kemanusiaan, dan kewarganegaraan.

Individu yang "memiliki sahsiah seimbang dan sepadu" di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan antaranya bermatlamat ke arah pembentukan akhlak yang mulia:

menyedari dan menginsafi adanya Pencipta, menyedari dan menginsafi tanggungjawab dan penanggungjawab, menghargai dan mensyukuri pemberian Pencipta, memupuk dan membina disiplin diri serta membentuk akhlak mulia. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990, ms. 12)

Bagi mencapai cita-cita Falsafah Pendidikan Kebangsaan maka Falsafah Pendidikan Guru telah dibentuk yang antaranya juga bermatlamat ke arah pembentukan akhlak yang mulia:

Guru yang berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin perkembangan individu dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif dan berdisiplin. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001, ms. 1)

Oleh itu, adalah jelas bahawa Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru bermatlamat ke arah pembentukan akhlak mulia, yang juga selaras dengan tuntutan firman Allah dan hadis berikut:

Dan sesungguhnya, kamu (Muhammad saw) benar-benar memiliki akhlak yang agung (Maksud Al-Qur 'an 68:4)

Sesungguhnya aku telah diutus untuk menyempurnakan akhlak yang mulia (Maksud sabda Rasulullah saw dlm, 'Ali Muttaqi, 1989, jld. 3, ms. 6)

Ini bermakna, proses pembentukkan akhlak generasi muda negara kita masa kini dan generasi masa depan terpikul di atas bahu para pendidik khususnya guru Pendidikan Islam itu sendiri.

Definisi Akhlak, Etika dan Moral

Akhlak, etika dan moral adalah istilah-istilah yang tidak asing lagi di dalam dunia-Pendidikan, Secara umumnya masyarakat Malaysia hari ini masih kurang memahami istilah-istilah tersebut hingga menyebabkan berlaku kekeliruan dalam penggunaan dan tafsiran istilah-istilah berkenaan. Oleh itu, kefahaman terhadap istilah-istilah tersebut dan konsep-

konsepnya akan diperjelaskan dalam perbincangan ini,

Kamus *Lisan* (Ibn Manzur, 1300H) dan kamus *Al-Munjid* (Luis Ma 'luf, tt) mengatakan bahawa perkataan akhlak berasal dari Bahasa Arab, *khuluq*. Luis Ma'luf mengatakan *khuluq* adalah budi pekerti, perangai, tingkah laku atau tabiat. Berdasarkan ayat dan hadis berikut, *khuluq* adalah suatu istilah yang membawa maksud tertentu di dalam Al-Qur 'an dan juga hadis:

Dan sesungguhnya-kamu (Muhammad saw) benar-benar memiliki akhlak. yang agung (*khuluqin 'azim*). (Maksud Al-Qur'an 68:4)

Sesungguhnya, aku telah diutus untuk menyempumakan akhlak yang mulia (Maksud sabda Rasulullah saw dIm. 'Ali Muttaqi, 1989, jld. 3, ms. 6, hadis no. 5217,5218 - hadis sahih)

Ab. Halim Tamuri (2000), al-Dawwani (w. 908H/1502M dIm. Majid Fakhry, 1994), al-Ghazali (tt), Ibn Miskawayh (w. 421H/1030M) (1968 dIm. Majid Fakhry, 1994), Mohd Nasir Omar (1986), Saedah Siraj (2003), Tajul Ariffin Nordin (1997) dan al-Tusi (w. 672H/11274M dIm. Majid Fakhry, 1994) bersependapat mengatakan akhlak adalah sifat yang tertanam dalam jiwa, dan tanpa memerlukan sebarang pertimbangan, sifat tersebut melahirkan berbagai perbuatan yang baik dan yang buruk. Akhlak juga dirujuk kepada seseorang individu yang telah terbiasa dengan sesuatu sifat dan mengamalkannya dari masa ke semasa (Ahmad Amin, tt; Asmara As, 1992). Contohnya, jika seseorang individu itu memiliki naluri suka memberi dan membiasakan dirinya dengan sifat tersebut maka individu tersebut dikenali sebagai seorang yang dermawan (memiliki akhlak dermawan) atau bersifat pemurah (AsmaraAs, 1992).

Sehubungan dengan definisi-definisi yang telah dibincangkan, Mohd Nasir Omar (1986, ms. 25) telah memberi definisi akhlak yang menyeluruh berteraskan kepada tiga ciri akhlak iaitu:

1. Aspek batin atau keadaan jiwa seseorang yang merupakan tenaga penggerak kepada pembentukan tingkah laku;
2. Aspek luaran atau tingkah laku itu sendiri yang dilakukan bukan kerana tekanan emosi atau desakan-desakan dari luar seperti paksaan; dan
3. Perbuatan-perbuatan itu pula hendaklah dilakukan secara berterusan hingga menjadi kebiasaan dan darah daging kepada seseorang.

Moral dan etika adalah dua istilah yang sering dikaitkan dengan pengertian akhlak. Mohd Nasir Omar (1986) mendefinisikan etika sebagai satu peraturan yang menjadi panduan dalam hidup manusia; dan moral pula adalah suatu ilmu yang membincangkan sistem moral atau tingkah laku yang dihayati oleh seseorang individu atau sesuatu golongan. Piawaian sesuatu sistem moral adalah bergantung kepada penaaakuan manusia; dan kebanyakan pertimbangan moral seseorang individu itu pula adalah bergantung kepada suasanalkeadaan, sistem sosial/kelas dan agama yang dianutinyalmasyarakatnya (Abdul Rahman Md. Aroff, 1999; Frankena, 1973; Mohd Nasir Omar, 1986).

Bagaimana pun, ramai pengkaji telah tidak membezakan antara etika dan moral (Baelz, 1977; Mackie, 1979). Dalam soal ini, Lacey (1976) dan Reese (1980) hanyamembezakan perkataan moral yang berasal daripada perkataan Latin, *mores*; dan etika yang berasal daripada perkataan Greek, *ethos*. Gabungan antara perkataan-perkataan Islam dan

etika yang kemudiannya membentuk istilah etika Islam, telah digunakan secara meluas oleh penulis-penulis barat khususnya dalam merujuk pengertian akhlak (Majid Fakhry, 1994; Mohd Nasir Omar, 1986). Ini bermakna, akhlak, moral dan etika, setiap satu membawa maksud yang berbeza mengikut kefahaman dan sistem kepercayaan seseorang individu; dan tanpa mengeneipkan penaakulan, akhlak itu sudah semestinya berpaksikan kepada wahyu Tuhan tetapi moral dan etika tidak semestinya bersifat demikian.

Akhlak mulia yang dikehendaki di dalam Islam adalah sepertimana yang disebutkan di dalam Al-Qur'an 68:4: "Dan sesungguhnya kamu (Muhammad saw) benar-benar memiliki akhlak yang agung" dan juga hadis sahih: "Sesungguhnya, aku telah diutus untuk menyempurnakan akhlak yang mulia" (Maksud sabda Rasulullah saw dlm, 'Ali Muttaqi, 1989, jld. 3, ms. 6, hadis no. 5217,5218). Oleh itu, konsep akhlak perlu dihayati dengan sebaiknya oleh guru dan juga pelajar Pendidikan Islam bagi menjamin pelaksanaan akhlak mulia yang dikehendaki oleh Allah swt.

Pola-pola Penampilan Akhlak Pelajar Islam Masa Kini

Akhlak dalam tulisan ini bukan sahaja menyentuh aspek zahir yang melibatkan penampilan luaran seseorang individu, malah aspek batin juga, yang ada kaitannya dengan hubungan dalaman/kerohanian seseorang individu dengan Allah sepertimana dijelaskan dalam definisi-definisi akhlak oleh pakar-pakar akhlak sebelum ini. Oleh itu, perbincangan seterusnya akan menampilkan sebahagian daripada pol a-pol a penampilan akhlak pelajar iaitu: 1) Penampilan luaran (aspek zahir); dan 2) Penampilan dalaman (aspek batin) mereka dengan Allah.

Penampilan akhlak luaran (penampilan luaran) pelajar masa kini sebenarnya semakin parah (Ab. Halim Tamuri & Khadijah Abdul Razak, 2003; Hurd, 1994; Ismail Zain, 2005; Metropolitan Life, 1991, 1992). Seringkali akhbar-akhbar memaparkan berita-berita mengenai keruntuhan akhlak pelajar sekolah, antaranya terlibat dengan gangsterism; pergaduhan melibatkan alatan tajam; dadah/pil ekstasi; ketagihan alkohol; dan pergaulan bebas di luar batasan (Hurd, 1994; Metropolitan Life, 1991, 1992) sehingga kepada keskes pelajar yang terlibat dengan pembunuhan di negara ini. Malah, sekarang ini pun salah laku dan juga tindakan ganas yang dilakukan oleh para pelajar masih lagi berleluasa (Ismail Zain, 2005).

Sebenarnya, penampilan akhlak luaran yang negatif berpunca daripada akhlak dalaman yang langsung tiada hubungan dengan Allah. Apatah lagi, akhlak yang mulia itu sebenarnya berpunca daripada kesucian sifat batin/dalaman/kerohanian seseorang individu (Tajul Ariffin Nordin, 1997), Jenis penampilan akhlak yang sebeginilah yang akan didedahkan oleh penulis. Bagaimana pun, penulis hanya menampilkan satu jenis pola penampilan akhlak daripada kajian Mohd Najib Najmuddin (2003) terhadap 60 orang pelajar Islam di sebuah sekolah menengah di Kuala Lumpur, Jadual 1 menunjukkan hubungan pelajar dengan Allah menerusi amalan-amalan tertentu.

Jadual 1 menunjukkan masih ramai lagi pelajar Islam yang tidak menunaikan solat; sangat jarang membaca Al-Qur'an; dan sejumlah kecil sahaja yang menjadikan Al-Qur'an sebagai panduan hidup mereka. Hanya sejumlah kecil penampilan akhlak yang melibatkan hubungan dengan Allah seperti ibadat solat - walaupun ini tidak diklasifikasikan oleh masyarakat sebagai satu masalah akhlak yang kronik tetapi dari sudut pandangan Islam perkara ini boleh meruntuhkan tiang agama. Oleh kerana itu, dalam Pendidikan Islam,

akhlak mulia semestinya melibatkan hubungan dengan Allah; dan paling minima melaksanakan Rukun Islam. Apatah lagi, sekiranya melibatkan salah laku yang lain. Melihat dari perspektif sistem pendidikan di negara kita, timbul persoalan di sini: Adakah kegagalan pelajar melaksanakan Rukun Islam dan juga terlibat dengan salah laku luaran ada kaitannya dengan kegagalan sistem pendidikan negara dan juga peranan guru Pendidikan Islam di sekolah? Dalam perbincangan berikutnya kita akan mengupas peranan guru Pendidikan Islam disekolah.

Jadual 1

Akhlak: Hubungan Pelajar dengan Allah

Bil	Bentuk Hubungan Pelajar dengan Allah	Jumlah Pelajar	Peratus
1	Puasa Ramadhan	40	66.6
2	Berdoa sebelum melakukan sesuatu	35	58.3
3	Bertaubat untuk menghapus dosa	30	50
5	Membaca Al-Qur'an harian	15	25
6	Menghadiri majlis ilmu mingguan	12	20
7	Menjadikan Al-Qur'an sebagai panduan	11	18.3
8	Muhasabah diri setiap hari	11	18.3

Sumber. Ubahsuai daripada Mohd Najib Najmuddin (2003), *Hubungan antara amalan agama dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar Melayu* (ms. 44). Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya yang tidak diterbitkan.

Hubungan Permasalahan Akhlak dengan Peranan Guru Pendidikan Islam

Permasalahan akhlak yang wujud di kalangan pelajar sarna ada berbentuk akhlak luaran mahu pun melibatkan hubungan dengan Allah sering dikaitkan dengan kegagalan sistem pendidikan negara sekalipun kedua-duanya bukan faktor penyebab yang utama. Dalam soal berkaitan, Ab. Halim Tamuri dan Khadijah Abdul Razak (2003, ms. 69) mengatakan:

Tidak dapat dinafikan lagi masalah keruntuhan akidah dan so sial seperti gejala murtad, keruntuhan akhlak, zina, rogol serta kegagalan remaja Islam untuk melaksanakan tuntutan asas sebagai seorang Islam telah menimbulkan pelbagai pandangan dan persepsi di kalangan masyarakat terhadap Pendidikan Islam amnya dan guru-guru Pendidikan Islam khususnya.

Sesuai dengan persepsi dalam petikan di atas, kajian-kajian terkini oleh Ab Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim, dan Khadijah Abdul Razak (2004), Ahmad Mohd Salleh (1997), Airi Abu Bakar (2003), Kementerian Pendidikan Malaysia (2001), Masribanun Duki (2004), Mohd Najib Naimuddin (2003) dan Zahariah Aiyub (2005) telah mendedahkan ketidakupaya-an sesetengah guru Pendidikan Islam dalam membentuk diri mereka selaku pembimbing dan role model kepada pelajar. Implikasi daripada kajian-kajian tersebut menunjukkan guru Pendidikan Islam perlu menghayati peranan mereka yang sebenar sewaktu mendidik pelajar supaya para

pelajar mereka menjadi generasi yang berakhlak mulia. Apatah lagi, guru mempunyai pengaruh yang sangat besar dalam pembentukan diri pelajar (Ab Halim Tamuri *et al.*, 2004; Ab. Halim Tamuri & Khadijah Abdul Razak, 2003; Abdul Raof Dalip, 1985; Rosnani Hashim, 1996; Saedah Siraj, 2001d; Tajul Arifin Nordin & Nor Aini Dan, 1992; Zawawi Hj. Ahmad, 1984).

Rasulullah saw bukan sahaja bertindak sebagai seorang rasul malah juga guru kepada ahli keluarga baginda dan para sahabatnya. Kesan pengajaran dan dakwah baginda terbukti telah dapat membentuk generasi yang bertakwa. Dengan itu, sejak awal Islam hingga ke hari kiamat, Rasulullah saw menjadi model utama di dalam dunia-pendidikan mahupun dakwah.

Pada awal kedatangan Islam ke Tanah Melayu (kini Semenanjung Malaysia), guru telah memainkan peranan yang penting dalam mendidik, memberi ilmu dan tunjuk ajar pelajar-pelajarnya. Pada waktu itu, ibu bapa dan masyarakat memberi penghormatan yang sangat tinggi terhadap guru-guru agama (Abdul Raof Dalip, 1993; Ishak Mohd Rejab, 1993; Rosnani Hashim, 1996; Wan Zahidi Wan Teh, 1993). Sebelum abad ke-20 lagi, ibu bapa Melayu telah menghantar anak-anak mereka seawal usia lima tahun ke rumah guruguru agama (Ismail Ab. Rahman, 1993; Rosnani Hashim, 1996). Pada waktu itu guru agama dipandang sangat mulia kerana mereka mengajar dengan penuh keikhlasan tanpa memperoleh sebarang ganjaran daripada pemerintah (Ismail Ab. Rahman, 1993; Rosnani Hashim, 1996). Jika pun ada, ganjaran yang diterima oleh guru-guru daripada pemerintah bukannya dalam bentuk wang. Dalam soal ini, Rosnani Hashim (1996) menjelaskan:

The pupils did not pay fees, but donated money to buy kerosene for the oil lamps that were used ... if classes were held at night. More often the pupils assisted their teachers with such chores as carrying water from the well, carrying fire-wood, or growing and harvesting rice in the fields. (ms. 20)

Selain daripada itu, kedatangan penjajah Inggeris telah menyebabkan berlaku perubahan dalam sistem pendidikan di Tanah Melayu; dan ini mengakibatkan pergantungan dan sanjungan masyarakat terhadap guru agama semakin menurun (Rosnani Hashim, 1996). Selepas kemerdekaan Malaysia pada tahun 1957 hinggalah ke hari ini, kebanyakan ibu bapa Melayu telah mula mengalih pandangan kepada sistem pendidikan formal.

Sebenarnya, masyarakat kita sekarang ini terns menaruh harapan yang tinggi kepada para guru yang mendidik anak-anak mereka di sekolah. Ini bermakna peranan guru sememangnya amat besar dan begitu kritikal dalam merealisasikan Pendidikan Islam kerana di atas bahu merekalah terletak kejayaan dan kegagalan pelaksanaan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Wan Mohd Zahid Mohd. Nordin, 2003). Dalam soal ini, Abdul Raof Dalip (1993) menegaskan bahawa:

Pengaruh guru terhadap murid-muridnya sama juga dengan pengaruh ibu bapa terhadap anak-anak mereka. Dengan adanya guru yang ikhlas di sekolah akan dapat memperbaiki alam pembelajaran murid-murid. Bahkan gurulah yang mewariskan para nabi dalam membentuk dan mengembangkan ilmu pengetahuan kepada murid-muridnya. (ms. 151)

Guru diakui mempunyai pengaruh yang amat besar terutamanya ke atas murid-murid sekolah rendah (Wan Mohd Zahid Mohd Nordin, 2003). Kajian kualitatif penulis (Za-

harah Hussin, 2001) menunjukkan penampilan guru adalah penting dalam membentuk akhlak pelajar. Berikut adalah sebahagian daripada pandangan pelajar terhadap guru-guru mereka: 1) Guru hendaklah memiliki sahsiah diri yang sempurna; 2) Guru tidak patut menampakkan walaupun satu keaiban yang ketara; 3) Guru hendaklah menjadi contoh terbaik pelajar; 4) Dari aspek-aspek akhlak dan sahsiah, pelajar menjadikan guru agama di sekolah sebagai *contohnya* mereka; dan pengetua (dapatkan di kawasan kajian sahaja) a,da,lahfolem6delbagipe1ajatkerana sikap darrperibadi mulianya meresap ke dalam jiwa (Zaharah Hussin, 2001)

Guru adalah agen pendidikan yang berkesan (Muhammad Uthman el-Muhammady, 1991 dIm. Ahmad Mohd. Salleh, 1997). Walau sebaik mana pun sesuatu sistem pendidikan itu, jika guru yang mengajar bukannya guru yang berkesan bermakna apa yang disampaikan/diajar tidak akan difahami pelajar - tidak mencapai matlamat pengajaran. Oleh itu, guru, khususnya guru-guru Pendidikan Islam, perlu mengukuhkan lagi peranan mereka dalam merealisasikan hasrat Falsafah Pendidikan Guru. Kategori peranan guru Pendidikan Islam terbahagi kepada lima kategori berikut:

- 1) Sebagai *mu'allim* (Ab. Halim Tamuri *etal.*, 2004; Ahmad Mohd Salleh, 1997; al-Shaybani, 1979; Bahagian Pendidikan Guru, 2001; Zawawi Hj. Ahmad, 1984);
- 2) Sebagai *murabbi* (Ab. Halim Tamuri *et al.*, 2004; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001);
- 3) Sebagai *mu'addib* (Ab. Halim Tamuri *etal.*, 2004; Ahmad Mohd Salleh, 1997; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001);
- 4) Sebagai *mursyid* (Ab. Halim Tamuri, *et al.*, 2004; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001); dan
- 5) Sebagai *da'i* atau pendakwah (Wan Bakar Wan Dagang, 1991).
- 6)

Guru sebagai Mu 'allim

Mu'allim adalah kata nama (*ism fa 'il*) yang muncul dari kata terbitan/masdar, *ta'lim* (pengajaran). Hasan Langgulung (1980) mengaitkan perkataan *ta'lim* dengan kalimah *mengajarkan* pada Al-Qur' an 2:31: "Dan Allah *mengajarkan* kepada Adam segala nama, kemudian Ia berkata kepada malaikat: Beritahulah Aku semua nama-nama itu jika kamu benar."

Menurut Tengku Ghani Tengku Jusoh (2002), *al-ta'lim* bermaksud: 1) Mengajar; 2) Menjadikan seseorang individu memiliki ilmu pengetahuan; dan proses tersebut berlaku secara berperingkat-peringkat. Al-Ghazali (tt) mengatakan *ta'lim* adalah proses menguasai ilmu yang meningkatkan manusia daripada taraf haiwan kepada taraf manusia. Manusia sememangnya memiliki sifat-sifat yang turut dimiliki oleh haiwan antaranya hawa nafsu, bermusuhan, dan sukakan kebendaan; dan pada masa yang sama manusia mempunyai sifat mereka sendiri seperti berakal, beriman, bijaksana dan sebagainya (Saedah Siraj, 2001d).

Didalam sistem pendidikan sedia ada, para guru perlu memperkemas lagi peranan mereka dalam memberi ilmu kepada pelajar. Ini kerana, ilmu ini akan dijadikan panduan oleh pelajar dan juga perisai kehidupan untuk mengawal unsur-unsur kehaiwanan yang secara semulajadi ada dalam diri manusia (termasuk pelajar) dan juga meningkatkan akhlak mereka. Mengenai perkara ini, Saedah Siraj (2001d) mengatakan bahawa seorang individu yang tahu menggunakan dengan baik dan betul unsur-unsur kemanusiaannya

akan dapat mengawal unsur-unsur kehaiwanan yang ada dalam dirinya, maka ia akan menjadi manusia sebenar dengan memiliki akhlak yang mulia. Sebaliknya, tambah beliau, jika seseorang itu tunduk kepada seluruh unsur haiwan yang ada di dalam dirinya, maka perbuatan, kelakuan, pemikiran serta rohnya juga adalah sama tarafnya dengan haiwan. Fenomena berkenaan telah disebutkan di dalam ayat Al-Qur'an berikut:

Dan telah kamu ketahui orang-orang yang melanggar di antaramu pada hari Sabtu, lalu Kami berfirman kepada mereka: "Jadilah kamu kera yang hina" (Maksud Al-Qur'an 2:65)

Oleh itu, dalam pembangunan bangsa yang berasaskan ilmu pengetahuan dewasa ini, guru, selain berperanan membentuk akhlak pelajar, mereka juga berperanan sebagai *mu'allim*, perlu memberi tumpuan terhadap penguasaan ilmu pengetahuan (Wan Mohd. Nor Wan Daud, 1991). Selaku *mu' allim*, dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PP), guru sewajarnya mempunyai niat yang ikhlas; mengetahui dasar-dasar pendidikan dan strategi mengajar yang berkesan; memberi rangsangan motivasi kepada para pelajar dan memaharni kaedah-kaedah pengurusan bilik darjah yang berkesan untuk memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Di dalam proses pengajaran dan pembelajaran, alGhazali (tt) menekankan supaya para guru mengajar dengan niat untuk menyelamatkan para pelajarnya daripada seksaan api neraka; mengajar bukan untuk mendapat upah atau pun apa-apa ganjaran di dunia, sebaliknya bertujuan mendekatkan diri kepada Allah; tidak memandang remeh ke atas ilmu yang disampaikan, sebaliknya, meyakinkannya dengan penuh bennakna; memberi perhatian kepada pelajar yang lemah dalam pelajaran; selain mengamalkan ilmu yang disampaikannya kepada pelajar. Wan Bakar Wan Dagang (1991) menambah, guru Pendidikan Islam perlu berusaha meningkatkan penguasaan ilmu pengetahuan; sentiasa mencari pendekatan pengajaran yang boleh menimbulkan minat pelajar serta menanam minat dan penghayatan terhadap agama; cintakan agama; mewujudkan ciri-ciri tamadun Islam di dalam dan di luar sekolah; sentiasa memelihara dan meningkatkan kecekapan ikhtisas dalam bidang perguruan sarna ada melalui pengkajian, menghadiri kursus, mesyuarat, persidangan, seminar dan lawatan (Ahmad Mohd Salleh, 1997).

Guru sebagai Murabbi

Murabbi berasal daripada kata terbitan, *tarbiyyah* (pendidikan). Hasan Langgulung (1980) merujuk perkataan *tarbiyyah* dalam Al-Qur 'an 17:24 yang bermaksud: "Wahai Tuhanku, sayangilah keduanya sebagaimana mereka *mendidikku* sewaktu kecil," Tengku Ghani Tengku Jusoh (2002) mengatakan *tarbiyyah* adalah mencurahkan kasih sayang, memelihara, mendidik, mengembangkan, menyuburkan dan membesarkan.

Peranan guru Pendidikan Islam sebagai *murabbi* melibatkan proses mendidik, memelihara dan membentuk pelajar sehingga wujud rasa kasih sayang dan saling percaya mempercayai antara mereka. Antara ciri-ciri *guru-murabbi* menurut al-Ghazali (tt) adalah: 1) Menyayangi pelajar dan memperlakukan mereka seperti anak sendiri; 2) Sentiasa menasihati pelajar dalam segala hal termasuk pembelajaran dan perlakuan mereka; . dan 3) Menjaga disiplin pe lajar dengan menggunakan Pendekatan Mencegah dan Mene gur Secara Baik terhadap perlakuan maksiat dan juga menggalakkan perlakuan makruf secara kasih sayang. Bagi Ahmad Mohd Salleh (1997) pula, antara ciri-ciri *guru-murabbi*

adalah: 1) Mengutamakan keselamatan dan kebajikan pelajar; 2) Bersikap adil terhadap pelajar tanpa mengira latar belakang keluarga, keupayaan akademik, dan ekonomi; 3) Merahsiakan maklumat sulit pelajar kecuali kepada yang berhak; dan 4) Bersedia membimbing pelajar serta menunjukkan cara berpakaian, pertuturan dan tingkah laku sebagai contoh yang baik kepada pelajar.

Guru sebagai Mua'ddib.

Salah satu peranan utama guru adalah bertindak sebagai *mua'ddib* (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1980; Zawawi Hj. Ahmad, 1984). Berhubung perkara ini, Rasulullah saw mengatakan bahawa Allah swt sendiri yang telah mendidik baginda dengan sebaik-baik pendidikan. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1979) lebih menekankan peranan guru sebagai *mua'ddib* berbanding *murabbi* dan *mu'allim*. Beliau menggunakan perkataan *ta'dib* untuk menjelaskan erti pendidikan. Menurut beliau, pendidikan Islam adalah lebih tepat berorientasikan kepada istilah *fa' dib*. Ini kerana peranan guru yang paling menonjol, menurut beliau, adalah sebagai *mua'ddib*. Terdahulu, al-Ghazali (tt), dalam menghuraikan konsep *fa' dib* oleh guru, mengatakan bahawa *fa' dib* adalah: 1) Proses mendisiplinkan kedua-dua aspek spiritual dan fizikal manusia, yang turut melibatkan perkataan, perbuatan, kepercayaan dan niat seseorang; dan proses ini juga melibatkan: 2) Penguasaan ilmu pengetahuan; dan 3) Perubahan sahsiah bertujuan mencapai akhlak yang mulia - proses ini melibatkan menahan nafsu dan disiplin yang tinggi (*riyadah*).

Abdul Raof Dalip (1985, 1993) dan 'Ulwan (1989) mengatakan guru-guru dalam kategori *ta'dib* perlu sedar dan insaf bahawa mereka sebenarnya menjadi ikutan dan teladan pelajar. Oleh kerana itu, menurut Abdul Raof Dalip lagi, guru-guru tersebut perlu: 1) Menanam dalam dirinya dan juga pelajarnya rasa cinta dan taat kepada Allah; 2) Menanamkan kepercayaan yang benar di dalam jiwa pelajar; 3) Mendedahkan dan memahamkan pelajar mengenai jenis-jenis ibadah yang wajib dilaksanakan; dan 4) Menaikkan semangat pelajar serta menimbulkan minat mereka untuk mempraktikkan ajaran agama sehingga menjadi kebiasaan kepada mereka.

Menurut Husain Mazhahiri (1993a), Ibrahim Amini (1997) dan 'Ulwan (1989), sebagai *mua'ddib*, guru wajib memiliki sejumlah sifat-sifat terpuji; dan sifat terpuji yang paling utama adalah zuhud dalam proses mendidik - bukan kerana inginkan balasan kebendaan (wang, pangkat) dan penghormatan masyarakat tetapi semata-mata bertujuan untuk mendapat keridaan Allah.

Bagaimana pun, Husain Mazhahiri (1993a) dan Ibrahim Amini (1997) mengatakan dalam soal menerima balasan kebendaan (ganjaran-upah-gaji) dalam proses mendidik pelajar, tidak bermakna guru tidak boleh menerima ganjaran daripada usaha mereka. Apa yang perlu difaharni di sini ialah kemuncak matlamat kerja yang dilakukan seharusnya tidak diukur berdasarkan kepada pencapaian kebendaan (berapa tinggi ganjaran yang diterima) kerana ini akan membahayakan peningkatan diri - dari aspek spiritual, kemuliaan individu-individu yang berilmu di sisi Allah akan tercemar apabila mereka mengajar sesuatu ilmu bertujuan hendak memperoleh balasan kebendaan (ganjaran-upah-gaji). Ini kerana menyampaikan sesuatu kebenaran ataupun ilmu Allah merupakan tugas dan tanggungjawab yang wajib dilaksanakan oleh individu-individu yang berilmu; dan bukan hanya dengan diberi ganjaran barulah mereka mahu melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka. Individu-individu tertentu yang dekat dengan Allah seperti nabi dan rasul

tidak pernah, walaupun sekali, mengharapkan sebarang balasan kebendaan apabila menyampaikan sesuatu kebenaran ataupun ilmu Allah. Dari aspek kualiti pengajaran pula, kualiti pengajaran guru-guru (yang mengajar sesuatu ilmu bertujuan hendak memperoleh balasan kebendaan-ganjaran-upah-gaji) akan menurun apabila mereka tidak menerima ganjaran tinggi yang mereka harapkan.

Selain dari itu, ini juga akan membahayakan pencapaian pelajar kerana: 1) Kualiti pembelajaran menurun apabila kualiti pengajaran guru menurun; dan 2) Kualiti spiritual pelajar di sisi Allah terjejas apabila kemuliaan guru-guru mereka tercemar di sisi Allah.

Menurut Husain Mazhahiri (1993ab) dan Ibrahim Amini (1997) sifat-sifat terpuji *mua'ddib* yang lain adalah: 1) Pembersihan atau penyucian diri - para pendidik perlu membersihkan jiwa mereka dari segala bentuk kekotoran (dosa) seperti riak, hasad, 'ujub dan pamarah, selain para guru perlu memiliki kebersihan lahiriah (antaranya makan makanan yang suci dan bersih; menjaga kebersihan diri; memakai pakaian yang bersih) dan berperibadi mulia. Dalam soal ini, Muhammad Uthman el-Muhammady (1991 dIm. Ahmad Mohd Salleh, 1997) mengatakan para guru perlu menjaga kehebatan dan kehormatan diri mereka pada pandangan masyarakat. Ini boleh dilaksanakan dengan menjaga peribadi, bersikap merendah diri dan tahu mengambil hati orang lain. Guru juga tidak boleh melibatkan diri dalam suasana yang boleh menjatuhkan maruahnyanya sarna ada dalam cara berpakaian, perbuatan atau percakapan.

Guru Pendidikan Islam perlu menjadikan diri mereka sebagai sumber teladan utama kepada para pelajar kerana selain berperanan sebagai *mu'allim*, *murabbi* dan *mua'ddib*, para guru adalah individu-individu yang sangat berpengaruh dalam pembentukan akhlak pelajar (Abdul Raof Dalip, 1993). Bagaimana pun, ayat sud AI-Qur'an 33:21 telah menobatkan Rasulullah saw adalah model yang terbaik untuk seluruh manusia: "Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu contoh teladan yang baik." Sehubungan dengannya, 'Ulwan (1989, ms. 2) mengatakan:

Keteladanan dalam pendidikan adalah metod berkesan yang paling meyakinkan keberhasilannya dalam mempersiapkan dan membentuk anak di dalam moral, spiritual dan sosial. Hal ini kerana pendidik adalah contoh terbaik dalam pandangan anak, yang akan ditirunya dalam tindak tanduknya dan tata santunnya, disadari atau tidak, bahkan tercetak dalam jiwa dan perasaan suatu gambaran pendidik tersebut, baik dalam ucapan atau perbuatan, baik material atau spiritual, diketahui atau tidak diketahui.

Oleh kerana itu, tidak kira sarna ada guru berperanan sebagai *mu'allim*, *murabbi*, *mua'ddib* mahupun *da'i*, tidak boleh tidak, sepertimana yang disepakati juga oleh pakar-pakar pendidikan, mereka perlu menyediakan diri sebagai *qudwah hasanah* (model terbaik) kepada pelajar kerana sifat tersebut adalah salah satu daripada sunnah Rasul dengan Rasulullah saw sebagai modelnya yang terbaik.

Guru sebagai Mursyid

Dari perkataan *arsyada*, *mursyid* adalah kata pelaku (*ism fa'if*) (Glosari, 1996). Ini sinonim dengan perkataan *ahda* yang bermaksud memberi petunjuk. Dengan itu, perkataan *mursyid* bererti orang yang memberi petunjuk (*Al-Mu'jam*, tt). Ini juga menunjukkan peranan seorang individu yang memberi petunjuk atau seorang individu yang menunjuk-

kan *hidayah* (petunjuk) kepada pelajar adalah bertepatan dengan tujuan profesion keguruan Pendidikan Islam itu sendiri,

Abdul Halim Muhammad (2003) mengaitkan antara ciri-ciri *mursyid* dengan peri bahasa "melentur buluh biarlah dari rebung" dan hadis Rasulullah saw yang menyarankan supaya mendidik anak mengerjakan solat seawal usia tujuh. 'Ulwan (1989) memetik dua ayat Al-Qur'an yang ada kaitannya dengan sifat-sifat *mursyid* guru Pendidikan Islam antaranya:

Hai hambaku! Aku tiada meminta harta benda kepada kamu (sebagai upah) bagi seruanku. Upahku hanyalah dad Allah ... (Maksud Al-Qur' an 11 :29)

Dan rendahkanlah dirimu terhadap orang-orang yang mengikutimu, iaitu orang-orang yang beriman (Maksud Al-Qur'an 42:215)


Berdasarkan dua ayat Al-Qur' an di atas, ikhlas adalah sifat yang paling utama bagi seorang *mursyid*. Ini bermakna, guru yang *mursyid* ialah guru yang sedia menjadi seorang penasihat yang ikhlas. Al-Ba'labakki (1995) dalam *Al-Mawrid* mendefinisikan penasihat yang ikhlas dalam Bahasa Inggeris dipanggil *mentor*. Menurut Saedah Siraj, Zainun Ishak, dan Tunku Mohani Tunku Mokhtar (1996) *mentor* berperanan sebagai pengajar, penasihat, pendorong dan membantu seseorang di bawah asuhannya untuk berkembang dan mencapai kecemerlangan.

Beberapa aspek peranan guru *mursyid* boleh dilihat dalam layanan seorang *mentor* kepada pelajar-pelajarnya. Kajian ke atas konsep *mentor* oleh Bova dan Philips yang dirumuskan oleh Saedah Sitaj *et al.* (1996) menunjukkan *mentor* memiliki status berikut, iaitu sebagai:

- Seorang yang memiliki status yang agak tinggi dan sedia memberikan bimbingan sepenuhnya;
- Tokoh pemindah yang berperanan untuk perkembangan seseorang iaitu gabungan peranan ibu bapa dan rakan sebaya;
- Model contoh dan penasihat kepada pelajar;
- Bertindak sebagai pembimbing, jurulatih, tutor dan pendorong pelajar;
- Bersifat murah hati, ikhlas, penyayang, mengambil berat orang lain, pendengar yang baik dan mencurahkan rasa hati;
- Bersifat sentiasa menerima dan bertanggungjawab;
- Berkongsi impian dengan anak didik dan membina persepsi sendiri yang ceria; dan
- Orang yang sangat berpengaruh terhadap anak didiknya.

Berhubung dengan peranan guru sebagai *mursyid* atau *mentor*, *murabbi*, *mu'allim* dan *mua'ddib*, Hussain Mazhahiri (1993ab, 1994) dan Ibrahim Amini (1997) mengatakan bahawa pendidik yang telah berjaya membimbing anak-anak didiknya dan berjaya menghidupkan roh mereka adalah satu kejayaan yang sangat besar kerana dapat membentuk golongan pelajar yang berakhlak mulia khususnya dan masyarakat amnya.

Penjelasan daripada Ab. Halim Tamuri *et al.* (2004), al-Ghazali (tt), Hasan Langgung (1980), Kementerian Pendidikan Malaysia (2001) dan Syed Muhammad Naquib al-Attas (1976) mengenai peranan guru sebagai *mu'allim* atau *murabbi* atau *mua'ddib* ataupun *mursyid* dirumuskan penulis pada Rajah 1. Rajah tersebut menunjukkan hubungan peranan guru dalam pembentukan akhlak mulia pelajar.



Rajah 1. Peranan guru Pendidikan Islam dalam mendidik akhlak

RUMUSAN

Matlamat melahirkan generasi berakhlak mulia menerusi Falsafah Pendidikan Kebangsaan adalah bertepatan dengan seruan Rasulullah saw. Hasrat ini akan menjadi luntur jika pelaksanaannya tidak diperkukuhkan. Oleh itu, bagi merealisasikan pembentukan generasi berakhlak mulia, para guru Pendidikan Islam wajar menerima amanah tersebut dengan rasa rela selain menghayati peranan sebenar seorang pendidik seperti yang dikehendaki oleh Allah dan RasulNya. Penghayatan dan pengamalan peranan tersebut diharapkan dapat membantu para guru Pendidikan Islam dalam mendidik akhlak pelajar di samping memartabatkan profesion keguruan mereka di mata masyarakat.

RUJUKAN

- Al-Qur'an dan terjemahannya*. (1998). (Cet. 2). Kuala Lumpur: Pustaka Antara,
- Abdul Halim Muhammad (2003). Keberkesanan Pendidikan Islam di peringkat rendah dan pembentukan peribadi Muslim. Dim. Suzalie Muhammad (Ed.), *Memahami isu-isu Pendidikan Islami di Malaysia* (ms. 61-78). Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Glosari bahasa dan kesusasteraan Arab*. (1996). Kuala Lumpur: DBP. Hamzah Ya'qub (1983). *Etika Islam*. Bandung: CV Diponegoro.
- Hasan Langgulung (1980). *Beberapa pemikiran tentang Pendidikan Islam*. Bandung: PT AI-Ma'arif.
- Hasan Langgulung (1988). *Asas-asas pendidikan Islam* (Cet. 2). Jakarta: Pustaka Al Husna.
- Hasan Langgulung (1991). *Pendidikan Islam menghadapi abad ke 21*. Shah Alam, Selangor: Hizbi.
- Hurd, P. D. (1994). New minds for a new age: Prologue to modernizing the science curriculum. *Science education*, 78(1), 103-116.

- Ab. Halim Tamuri (2000). *A study of the students' knowledge of akhlak in the Malaysia secondary school (with special reference to the Islamic education ICSS/KBSM)*. Tesis PhD, University of Birmingham yang tidak diterbitkan.
- Ab, Halim Tamuri, & Khadijah Abdul Razak (2003). *Pengajaran akhlak di sekolah menengah: Persepsi pelajar-pelajar. Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 3): Antara tradisi dan inovasi* (ms. 68-79). Bangi, Selangor: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia:
- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim, & Khadijah Abdul Razak (2004). *Keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar* (No. kod 00002/2004). Universiti Kebangsaan Malaysia, Fakulti Pendidikan (Laporan penyelidikan yang tidak diterbitkan).
- Abdul Hamid Otlunan, Zainal Abidin Haji Ab. Kadir, & Abdul Aziz Andek Achok (1993).
Ke arah penyelarasan dan penyatuan sistem pentadbiran dan pelajaran sekolah-sekolah menengah agama dan Arab di Malaysia. DIM. Ismail Ab. Rahman (Ed.), *Pendidikan Islam Malaysia* (ms. 34-40). Bangi, Selangor: Penerbit UKM.
- Abdul Rahman Md. Aroff (1999). *Pendidikan moral: Teori etika dan amalan moral*. Serdang, Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Abdul Raof Dalip (1985, November 17 - Disember 13). *Peranan guru agama dalam pendidikan*. Kursus ikhtisas guru-guru Agama Islam Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Abdul Raof Dalip (1993). Teknik pengajaran dan pembelajaran Pengetahuan Agama Islam di sekolah menengah. DIM. Ismail Abd. Rahman (Ed), *Pendidikan Islam Malaysia* (ms. 151-71). Bangi, Selangor: Penerbit UKM.
- Ahmad Mohd. Salleh (1997). *Pendidikan Islam: Falsafah, pedagogi dan metodologi*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Airi Abu Bakar (2003). *Sikap pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam: Satu kajian di sekolah-sekolah Alor Gajah Melaka*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia yang tidak diterbitkan.
- Aishah Hassan (1988). *Pendekatan Islam terhadap pendidikan anak-anak*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- 'Ali al-Muttaqi (1989). *Kanz al- 'ummal fi sunnan al-aqwal wa al-af'al* (16 jld.), Beirut: Muassasah Al-Risalah.
- AsmaraAs (Drs) (1992). *Pengantar studi akhlak*. Jakarta: Rajawali.
- Asmawati Suhid (2003). Kesesuaian subbidang pembelajaran adab dan akhlak Islam KBSM menurut persepsi guru. *Prosiding wacana Pendidikan Islam Siri 3* (ms. 94-105).
- Baelz, P. (1977). *Ethics and belief*. London: Sheldon.
- al-Ba'labakki, Munir (1995). *Al-mawrid qamus Ingglizi- 'Arabi*. Beirut: Dar Al 'Ilm.
- Frankena, W. K. (1973). *Ethics*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice.
- Al-Ghazali (tt), *Ihya' 'ulum al-din* (4 jld). Kahirah: Al-Masyhad.
- Al-Ghazali (Imam Ghazali) (1992). *Ihya' 'Ulumuddin (menghidupkan ilmu-ilmu agama)* (4 jld., TK. H. Ismail Yakub Terj.). Singapura: Pustaka Nasional.

- Hussain Mazhahiri (1993a). *Awamil as-saythtarah 'ala-ghara'izfi hayat al-insan*. Beirut: Dar Al-Mahajjah.
- Hussain Mazhahiri (1993b). *Jihad an-nafs*. Beirut Dar Al-Mahajjah.
- Hussain Mazhahiri (1994). *Al-fada'il wa ar-raza'il fi akhlak al-usrah wa al-mujtama'*, Beirut: Dar Al-Safwah.
- Ibn Manzur (1300H). *Lisan 01- 'Arab* (13 jld.). Beirut: Dar Sadr.
- Ibn Miskawayh, Abu Ali Ahmad Ibnu Miskawayh (1968). *The refinement of character*. Beirut: The American University of Beirut.
- Ibrahim Amini (1997). *Selfbuilding: An Islamic guide/or spiritual migration*. Qum, Iran: Ansariyan.
- Ibrahim Amini (2001). *Hijrah menuju Allah: Bimbingan Islam untuk membina kepribadian* (Abdul Khalid Sitaba Terj.). Bandung: Hidayah.
- Ishak Mohd Rejab (1993). Ke arah mengembalikan kecemerlangan dan kejayaan Pendidikan Islam di Pulau Pinang. DIm. Ismail Abd. Rahman (Ed.), *Pendidikan Islam Malaysia* (ms. 90-104). Bangi, Selangor: Penerbit UKM.
- Ismail Ab. Rahman (1993). *Pendidikan Islam Malaysia*. Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Zain (2005, Januari 12). Samseng: Ciri-ciri pelajar bermasalah. *Utusan Malaysia*, Pendidikan Bestari, ms. 2.
- Jalaluddin, H (2001). *Teologi pendidikan*. Jakarta: RajaGrafindo Persada.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1982). *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979*. Kuala Lumpur: DBP.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1990). *Pukallatihan KBSM*. Kuala Lumpur: DBP.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1996). *Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Mengkaji Kurikulum Pendidikan Islam: Ke arah pembentukan pembentukan dan pengukuhan akhlak pelajar ke 2*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Islam dan Moral.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Sukatan pelajaran Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) Pengajian Islam (Pengkhususan)*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Guru.
- Kerajaan Malaysia. (1996). *Akta Pendidikan (Akta 550)*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional.
- Lacey, A. R. (1976). *A dictionary of philosophy*, London: Routledge.
- Luis Ma'luf (tt). *Kamus al-munjid*. Beirut: Al-Maktabah Al-Katulukiyyah. Mackie, J. I (1979). *Ethics: Inventing right and wrong*. Great Britain: Cox. Majid Fakhry (1994). *Ethical theories in Islam* (Cet. 2). Leiden: Brill.
- Masribanun Duki (2004). *Penilaian pelajar terhadap kepimpinan guru Pendidikan Islam: Satu kajian di Daerah Kuala Selangor*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia yang tidak diterbitkan.
- Metropolitan Life Insurance Company. (1991). *Ready or not: Grade level preparedness*. New York: MLIC.
- Metropolitan Life Insurance Company. (1992). *The Metropolitan life survey of the American teacher*. New York: MLIC.
- Mohd. Najib Najmuddin (2003). *Hubungan antara amalan agama dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar Melayu*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya yang tidak diterbitkan.

- Mohd. Nasir bin Omar (1986). *Falsafah etika: perbandingan pendekatan Islam dan Barat*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Hal Ehwal Islam.
- Mohd. Nasir bin Omar (2003a). *Miskawayh's ethical thought and its sources*. Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, Fakulti Pengajian Islam.
- Mohd. Nasir bin Omar (2003b). *Christian and muslim ethics*. Kuala Lumpur: DBP.
- Mohd. Nasir bin Omar (2005). *Akhlak dan kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Utusan.
- Report of The Education Review Committee*. (1960). Malaya: The Government Press.
- Rosnani Hashim (1996). *Educational dualism in Malaysia: Implication for theory and practice*. Kuala Lumpur: Oxford UP.
- Saedah Siraj (2004). *Kaedah analitis kandungan dalam penyelidikan*. Dimuat turun Julai 12, 2004, daripada <http://www.geocities.com/efmr2001/saedahsiraj.html>
- Saedah Siraj (Ed). (2001b). *Perkembangan kurikulum: Teori dan amalan*. Selangor: Alam Pintar.
- Saedah Siraj (2001c). *Pendidikan rumahtangga*. Selangor: Alam Pintar.
- Saedah Siraj (2001d, 23-25 Mei). *Kurikulum pendidikan akhlak masa depan: Kandungan utama*. Kertas kerja Persidangan Kebangsaan Pendidikan Moral dalam Dunia Globalisasi, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Saedah Siraj (2003). *Pendidikan anak-anak*. Selangor: Alam Pintar.
- Saedah Siraj, Zainun Ishak, & Tunku Mohani Tunku Mokhtar (1996). *Motivasi dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan.
- Al-Syaibany, Omar Muhammad al- Toumy (1979). *Falsafah pendidikan Islam* (Hasan Langgulung Terj.). Jakarta: Bulan Bintang.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas (1976). *The concept of religion and the foundations of ethics and morality*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas (1977). *Preliminary thoughts on the nature of knowledge and the definition and aims of education*. Kertas Kerja First World Conference on Muslim Education: Aims and objectives of Islamic education, King Abdul Aziz University, Jeddah.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas (1986). *Konsep pendidikan Islam* (Haidar Baqir Terj.), Bandung, Indonesia: Mizan.
- Tajul Ariffin Nordin, & Nor' Aini Dan (1992). *Pendidikan dan wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu.
- Tajul Ariffin Nordin (1997). *Pendidikan dan pembangunan manusia: Satu pendekatan bersepadu*. Kertas kerja Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Moral dan Nilai dalam Pembangunan Manusia Ke Arah Pembentukan Acuan Pembangunan Negara, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tengku Ghani Tengku Jusoh (2002). *Kalimah al-ta'lim dan al-tarbiyyah menurut Al-Qur'an dan leksikon arab*. Kertas kerja Seminar Pendidikan dan Pembangunan Manusia, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- 'Ulwan, Abdullah Nasih (1989). *Pendidikan anak-anak dalam Islam* (2 jld., Cet. 3, Syed Ahmad Semait Terj.). Singapura: Pustaka Nasional.
- Wan Bakar Wan Dagang (1991). *Reformasi pendidikan Islam di sekolah: Matlamat dan harapan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Pendidikan Islam.

- Wan Mohd. Nor Wan Daud (1991). *Penjelasan budaya ilmu*. Kuala Lumpur: DBP.
- Wan Mohd Nor Wan Daud (1996, Mac). Insan baik teras kewarganegaraan: Mengarah ombak kesejagatan dan kepelbagaian. *Pemikir*, 1-24.
- Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Nordin (2003). Peranan Pendidikan Islam dalam Falsafah Pendidikan Negara. DIM. Suzalie Mohamad (Ed.), *Memahami isu-isu pendidikan Islam di Malaysia* (ms. 15-30). Kuala Lumpur: IKIM.
- Wan Zahidi Wan Teh (1993). Pengemaskinian sistem pengajian pondok di Pulau Pinang. Dim. Ismail Abd. Rahman (Ed), *Pendidikan Islam Malaysia* (ms. 105-18). Bangi, Selangor: Penerbit UKM.
- Zaharah Hussin (2001). *Tanggapan guru terhadap pelajar sebagai satu bentuk nilai murni dalam pengajaran*. Kertas kerja Persidangan Kebangsaan Pendidikan Moral dalam Dunia Globalisasi, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Zahariah Aiyub (2005). *Faktor-faktor yang mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya yang tidak diterbitkan.
- Zakaria Kasa, Abdul Rahman Md Aroff, Rahil Mahyuddin, & Abdul Majid Mohd Isa (1996). *Laporan penyelidikan penerapan nilai murni merentas kurikulum: Satu kajian*, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia dan Universiti Pertanian Malaysia.
- Zawawi Hj. Ahmad (1984). *Pendidikan Islam: Kaedah dan teknik pengajaran*. Petaling Jaya, Selangor: International.
- Zawawi Hj. Ahmad (1992). *Strategi pengajaran Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

